

## BAB KETIGA

### PERANAN INSTITUSI DALAM PROSES PEMANTAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA

#### 3.1. Pengenalan

Institusi memainkan peranan yang sangat besar dalam memantap dan mengemaskinikan pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa. Ini kerana institusi pengajaran sesuatu bahasa akan menyediakan berbagai kelengkapan pengajaran yang berkesan dan terkini, persekitaran bahasa yang 'life' dan membantu di samping menyediakan tenaga pengajar yang berpengkhususan dan berkemahiran luas dalam sesuatu bahasa itu.

Pelan tindakan juga terdapat dalam institusi bahasa tertentu untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru-guru bahasa secara sistematik dan berterusan untuk melengkapkan diri mereka agar mampu mengatasi masalah yang dihadapi dalam mengajar subjek tersebut. Ini termasuk meningkatkan program latihan pra dan dalam perkhidmatan, penyeliaan dan pencerapan serta penyediaan bahan bantu yang sesuai. Selain melengkapkan kurikulum sesuatu bahasa itu dengan modul pengajaran dan penilaian pembelajaran pelajar dengan penekanan diberikan kepada teknik-teknik pengajaran yang pelbagai khususnya yang mempunyai aktiviti-aktiviti drill, latihan individu, permainan, dialog/ lakonan dan kerja berkumpulan, guru-guru mata pelajaran tersebut perlu didedahkan dengan teknik pengajaran terkini bagi membolehkan pengajaran bahasa tersebut ditingkatkan (BPPDP, KPM 1999 : 68-69).

Dalam pemantapan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah di Malaysia, Pusat Bahasa Arab Nilam Puri, Kelantan telah ditubuhkan yang beroperasi dengan fungsi yang baru di bawah tajaan kerajaan persekutuan yang dikendalikan secara kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kelantan. Pusat Bahasa Arab berperanan memajukan bahasa Arab termasuk aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah melalui latihan-latihan dalam perkhidmatan untuk guru-guru dan lain-lain, serta program projek dan aktiviti yang lain (BPI, KPM 1993).

### **3.2 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul**

#### **Wahab (SHOAW)**

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW) merupakan sekolah menengah agama pertama di negeri Sarawak. Ia merupakan sekolah perintis yang berperanan memartabatkan pendidikan agama Islam dan penerapan serta pemantapan bahasa Arab di Sarawak. Terdapat lima (5) buah sekolah Menengah Kerajaan Agama dan sebuah Sekolah Menengah Bantuan di Sarawak. Sebuah Sekolah Bantuan Agama dan dua buah Sekolah Menengah Kerajaan Agama terletak di Bandaraya Kuching. Manakala yang lainnya terletak di Sibu, Miri dan Limbang. Walaubagaimanapun, kajian ini dikhususkan untuk sebuah Sekolah Menengah Agama iaitu Sekolah Menengah Kerajaan (A) Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW) yang terletak di Matang, 14 km dari Bandaraya Kuching, Sarawak (SHOAW 2001 : 2).

Sekolah Menengah Kerajaan Agama SHOAW dimulakan pada tahun 1976 dengan nama lain dan menumpang di Sekolah Menengah Kerajaan Bandar Kuching No.2 di Bintawa. Pada peringkat ini hanya aliran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris sahaja yang disediakan. Pada 3 Januari 1977, ia telah mempunyai tapak sendiri iaitu di Matang. Pada masa itu, Matang adalah sebuah kawasan yang belum begitu membangun dan terletak sejauh 14 km dari bandar Kuching dan berhampiran dengan gunung serapi.

Atas usaha Yang Berhormat Tuan Haji Salleh Jaafaruddin, Timbalan menteri Pelajaran ketika itu, akhirnya Sarawak mempunyai sebuah sekolah aliran agama. Ini adalah susulan kepada akta pelajaran 1961 dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak pada tahun 1977. Pada masa itu ia hanya menyediakan 2 kelas aliran agama tingkatan satu. Pada awal penubuhannya SMKA SHOAW hanya mempunyai 34 orang murid dan hanya satu aliran agama sahaja.

Pada 29 Mei 1978, Sekolah Menengah Kerajaan Matang telah ditukar namanya kepada Sekolah Menengah Kerajaan Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW). Perasmian telah dilakukan oleh Yang Berhormat Datuk Musa Hitam, Menteri pelajaran pada ketika itu. Perubahan nama ini adalah selaras dengan cita-cita masyarakat Islam Sarawak untuk mewujudkan sebuah sekolah agama di negeri ini. Memandangkan ia adalah satu-satunya sekolah yang mempunyai aliran agama maka nama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab telah dipilih kerana beliau adalah seorang ulama Sarawak yang pertama diizinkan mengajar di Masjidil Haram, Mekah (Risalah Taklimat SMKA SHOAW 1991 : 1).

Pada hari ini terdapat seramai 873 orang pelajar dengan tenaga pengajar seramai 64 orang.

### **3.2.1 Tujuan penubuhan SMK(A ) SHOAW (dipetik dari Katey Suhaili 1992 : 50)**

Penubuhan SMKA SHOAW ini mempunyai matlamat yang asasi diantaranya ialah berasaskan Falsafah Pendidikan Islam yang menekankan usaha yang berterusan bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup insan sebagai hamba Allah s.w.t.

Tujuan utama penubuhannya adalah mempunyai berberapa matlamat. Di antaranya ialah :

1. Memberi pendidikan agama kepada anak-anak tempatan dalam memahami ajaran-ajaran dan nilai-nilai Islam.
2. Membentuk peribadi pelajar agar berbudi pekerti dan berakhlak mulia.
3. Menambahkan bilangan tenaga pengajar agama apabila mereka keluar dari sekolah ini.
4. Menyebarluaskan Islam di kalangan masyarakat Islam.

### **3.2.2 Falsafah SMKA SHOAW pula berbunyi (SHOAW 2001 : 5) :**

*Setiap pelajar berpotensi untuk berkembang maju dan mencapai kecemerlangan berteraskan konsep paduan Iman, Ilmu dan Amal Soleh untuk menjadi insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani yang berasaskan aqidah dan takwa kepada Allah. Usaha ke arah ini akan melahirkan pelajar yang bertanggungjawab untuk kejayaan dan pemakmuran Agama, bangsa dan negara sebagai hamba Allah Ibadur Rahman.*

### 3.2.3 Sejarah hidup Sheikh Othman Abdul Wahab (Sepuluh Tahun BINA 1969 : 103)

Sheikh Othman Abdul Wahab merupakan salah seorang daripada anak murid Datuk Hakim Abdul Rahman yang bernasib baik. Datuk Hakim Abdul Rahman telah mengajar serta memberikan dorongan yang kuat kepada beliau untuk belajar hingga ke Mekah. Ini adalah memandangkan kebolehan Sheikh Othman yang begitu tinggi untuk menjadi ulama besar.

Ketika belajar di Mekah ternyata beliau merupakan seorang yang mempunyai kebolehan hingga dapat menjadi guru di Masjidil Haram. Antara muridnya ialah Haji Amrullah iaitu ayahnda kepada *Professor Dr. Hamka*, salah seorang ulama terkemuka Indonesia.

Sekembalinya ke tanahair, beliau terus menyebarkan ilmu agama hingga ke Indonesia khususnya di daerah Sambas. Selain dari ketinggian ilmunya dalam pelbagai bidang agama, Sheikh Othman adalah seorang ahli tarikat yang terkemuka hingga nama beliau termasuk dalam wirid ahli-ahli tarikat.

### 3.3 Pencapaian pelajar dalam peperiksaan bahasa Arab Menengah

#### Rendah di SMKA SHOAW

Pencapaian pelajar dalam peperiksaan-peperiksaan awam bagi mata pelajaran bahasa Arab terutamanya bagi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) kelihatan masih berada pada peringkat yang tidak menggalakkan. Ini dapat

digambarkan melalui rumusan peratus pencapaian peperiksaan bagi SMKA SHOAW seperti di dalam jadual 1.1 di bawah ini ;

*Jadual 3.1 : Rumusan Peratus Pencapaian Peperiksaan SMKA Sarawak PMR Tahun 1997, 1998, 1999 bagi mata pelajaran bahasa Arab*

MATA PELAJARAN	TAHUN	GRED (%)				
		A	B	C	D	E
Bahasa Arab	1997	6.0	8.4	17.3	40.3	28.1
	1998	5.7	10.1	15.8	40.2	28.2
	1999	7.3	9.5	16.8	36.0	30.3

*Dipetik dari Rumusan Peratus Pencapaian Peperiksaan SMKA Sarawak PMR Tahun 1997, 1998, 1999 bagi mata pelajaran bahasa Arab : 2*

Berdasarkan rumusan di atas, peratus pelajar yang mendapat gred A , B dan C pada tiga tahun berturut-turut dari 1997 hingga 1999 masih menunjukkan pencapaian yang kurang memberangsangkan iaitu di bawah paras 10% jika dibandingkan dengan lebih separuh pelajar yang mendapat gred D dan E. Ini jelas membuktikan bahawa prestasi pencapaian pelajar dalam subjek tersebut perlu diberi perhatian oleh pihak yang terlibat secara langsung dengan pengajaran bahasa tersebut.

Sementara analisis Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi Sekolah Menengah Kerajaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW) pada tahun 1995, 1996 dan 1997 adalah seperti di dalam jadual 1.2 berikut ;


Jadual 3.2 : Analisis Penilaian Menengah Rendah 2000 SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Kuching

Mata Pelajaran	Tahun	Bil. Calon						Peratus Kelulusan
			A	B	C	D	E	
B. Arab	1995	150	11 (7.30)	33 (22.0)	42 (28.0)	47 (31.3)	17 (11.3)	88.66
	1996	170	16 (9.4)	15 (8.8)	36 (21.2)	88 (51.8)	15 (8.8)	91.2
	1997	157	10 (6.4)	13 (8.3)	25 (15.9)	62 (39.5)	47 (29.9)	70.1
	1998	153	10 (6.5)	17 (11.1)	25 (16.3)	63 (41.2)	38 (24.8)	75.2
	1999	190	8 (4.2)	18 (9.5)	23 (12.1)	73 (38.4)	68 (35.8)	64.2
	2000	181	15 (8.3)	30 (16.6)	34 (18.8)	69 (38.1)	33 (18.2)	81.8

Dipetik dari Analisis Penilaian Menengah Rendah 2000 SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Kuching

Analisis keputusan PMR pada tahun 1995 hingga 2000 bagi SMK (A) SHOAW tidak menunjukkan perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan keputusan bagi mata pelajaran tersebut bagi seluruh sekolah menengah kerajaan agama negeri sarawak. Tetapi yang jelas keseluruhan keputusan menunjukkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab masih rendah di mana jumlah calon yang mendapat gred A adalah di bawah paras 15% dan penurunan peratus calon yang mendapat gred B adalah jelas dari 1995 di mana bilangan calonnya adalah 22.0% berbanding dengan tahun 1996 sebanyak 8.82% manakala pada tahun 1997 seramai 8.3% calon mendapat gred B.

Carta di dalam rajah 3.1 dibawah menunjukkan peratusan kelulusan pelajar menengah rendah bagi subjek bahasa Arab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Kuching dari tahun 1996 hingga tahun 2000.



Rajah 3.1 : Carta Analisis Peperiksaan Menengah Rendah Bahasa Arab bagi SMKA SHOAW, Kuching, Sarawak dari tahun 1996 hingga 2000

Berdasarkan kepada analisis Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan Agama (SMKA) negeri Sarawak khususnya Sekolah Menengah Kerajaan Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Kuching, Sarawak, jelas menunjukkan bahawa prestasi pencapaian pelajar dalam subjek bahasa Arab masih di tahap yang belum begitu memuaskan.



### 3.4 Metodologi Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi

Satu model pengajaran dan pembelajaran percubaan telah diwujudkan melalui gabungan tenaga dan pengalaman Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, bersama sekumpulan guru terpilih yang kemudiannya ditunjukkan sebagai “Muwajjah Tarbawic”. Program ini untuk menarik perhatian pengurusan sekolah dan pelajar sendiri. Ciri-ciri utamanya ialah ;

- ◆ Mulai hari pertama guru memperkenalkan bahasa Arab terus berkomunikasi dalam bahasa Arab.
- ◆ Al-ʿArabiyyah al-Mabsuṭatah - disokong dengan bahasa isyarat.
- ◆ Tumpuan kepada mendengar - tutur... buat... lakun.
- ◆ Fleksibel dalam perlaksanaan berdasarkan situasi di dalam dan luar bilik darjah.
- ◆ Tidak menggunakan buku teks
- ◆ Tidak menulis
- ◆ Menggunakakaedah pendekatan riang, seronok, berani mencuba dan berlapang dada.
- ◆ Terus memperkenalkan ayat pendek dengan laras komunikasi mudah.
- ◆ Guru tidak terburu-buru membetulkan kesilapan.
- ◆ Dilaksanakan dalam tempoh empat hingga enam minggu bagi tingkatan satu.

Program ini dinamakan “*taḥbīb al-Lughah Al-ʿArabiyyah*” iaitu cinta kepada bahasa Arab yang mula diperkenalkan pada tahun 1989. Maklum balas yang diterima adalah positif. Walaubagaimanapun kejayaan program itu amat bergantung pada dedikasi serta kebijaksanaan guru. (BPI, KPM 1994)

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di kelas perlu mengambil kira aspek-aspek berikut:

- \* Bahasa Arab diperkenalkan di tingkatan satu
- \* Sumber bahan yang tidak dikelaskan
- \* Kebijaksanaan guru
- \* Peranan pengurusan sekolah dan masyarakat guru
- \* Sikap pelajar
- \* Perbincangan berwawasan

Selain itu Bahagian Pendidikan Islam (1994) telah mencadangkan kepada guru bahasa Arab, sebelum memasuki kelas dan menentukan sesuatu metod yang hendak digunakan, guru perlu memikirkan perkara-perkara berikut :

- Apakah sudah jelas pemahaman Falsafah Pendidikan Negara?
- Apakah sudah betul-betul faham kehendak Sukatan Pelajaran?
- Sudahkah hadam terhadap tajuk-tajuk?
- Sudahkah merancang dan membuat persediaan mengajar?
- Sudahkah diuji kekuatan dan kelemahan perbincangan?
- Sudahkah berbincang dengan rakan sejawat?
- Sudahkah mengenal pasti pelajar-pelajar?
- Apakah diri anda bersedia untuk mengajar?

Setelah mengenal pasti persoalan-persoalan sebelum mengajar, guru dengan penuh semangat, keyakinan dan kebijaksanaan melangkah masuk ke kelas dengan

penuh kesabaran untuk memastikan perkara-perkara yang berikut berlaku secara bersepadu antara guru, pelajar dan bahan, iaitu :

- ◊ Guru menyampaikan, menasihati, menunjuk dan membimbing.
- ◊ Pelajar meneliti, mencuba, meneguh dan mengembangkan.
- ◊ Guru bersikap terbuka, insyirāh, air muka berseri dan pengasih.
- ◊ Pelajar berani, beradab, bijaksana dengan guru, rakan dan berminat serta seronok belajar.
- ◊ Semua pelajar mendapat perhatian guru
- ◊ Pelajar belajar mengajar antara sesama mereka
- ◊ Potensi tarbiah pelajar dipupuk dan ditegaskan
- ◊ Pelajar berpeluang membuktikan kebijaksanaan dan kreativiti
- ◊ Pelajar faham dan boleh buat
- ◊ Pelajar berterima kasih dan memuji guru
- ◊ Pelajar berbangga dengan kebolehan serta bersedia membantu rakan
- ◊ Rohani dan jasmani pelajar ditarbiahkan
- ◊ Sebelum meninggalkan kelas, guru telah menanamkan ke dalam minda pelajar ciri-ciri utama pelajaran hari ini
- ◊ Pelajar mencatat di dalam minda dan hatinya rasa seronok belajar serta menunggu kehadiran anda lagi

(BPI, KPM 1994)

#### 3.4.1 Pendekatan pengajaran komunikasi

Pendekatan ini cuba menumpukan pengajaran bahasa terhadap perantaraan atau kaedah penggunaan yang perlu diketahui oleh seseorang pelajar bahasa asing dalam konteks sosial dari hanya mahir dalam sintaksis (النحو) dan morfologi

(الصرف) untuk menghasilkan ungkapan dan ayat yang betul. Mengikut Ahmad

Syalaby (1980: 20), belajar bahasa Arab dengan kaedah nahu mengambil masa yang lama. Apabila tamat pengajian, pelajar tidak mendapat banyak manfaat dari apa yang dipelajari.

Mengikut Ishak Mohd Rejab (1987 : 24), pendekatan teknik komunikasi menekankan pembelajaran secara langsung, tanpa diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda. Guru menggunakan gambar, lukisan, benda-benda untuk dijadikan alat bantu mengajar. Pengajaran dilakukan dengan aktiviti seperti lakonan. Contohnya jika guru hendak mengajar perkataan 'meja' lalu diletakkan meja itu di depan kelas, seterusnya menyebut perkataan "مَكْتَبٌ", begitu juga untuk mengajar perkataan lain seperti pensil atau papan hitam, guru terus menunjukkan kepada pelajar benda yang dimaksudkan.

Jika mengajar 'fi'l' "فِعْلٌ" (kata kerja), dia menunjukkan di dalam kelas perbuatan yang hendak diajar seperti berjalan, berdiri, melukis, kemudian menyuruh pelajar melakukan semula apa yang dilakukannya. Jika guru hendak mengajar sesuatu yang tidak boleh dilakukan, guru boleh menggunakan gambar, lukisan, benda atau contoh.

Matlamatnya supaya pelajar dapat membaca dan memahami ayat bahasa asing di samping dapat mengatasi berbagai masalah berkomunikasi yang sering diberi kepada mereka. Pelajar perlu pengetahuan yang meluas terhadap makna dan

fungsi bahasa. Mereka perlu tahu perbezaan ayat serta ragam penggunaannya, seperti contoh di bawah ;

- ◆ مَاذَا تَكْتُبُ ؟ : Apa yang awak tulis?
- ◆ أَكْتُبُ الرِّسَالَةَ : Saya menulis surat
- ◆ مَاذَا تَكْتُبُ ؟ : Apa yang awak tulis?
- ◆ أَكْتُبُ الْقَارْنَ : Saya menulis karangan

Dalam pengajaran Bahasa Arab Komunikasi, perkataan 'al-Risālah' itu ialah 'surat' dan 'al-Maqāl' ialah 'karangan'. Dengan menunjukkan sepucuk surat dan serangkap karangan dari pelajarnya di dalam kelas, pelajar akan dapat memahami makna perkataan yang diberi tanpa perlu diterjemahkan.

Adalah satu kesalahan juga mengajar kaedah bahasa Arab sahaja tanpa mengajar bahasa itu sendiri, dengan tidak mengambil berat kepada bahasa itu sendiri. Dengan kaedah komunikasi seseorang itu belajar mencapai keupayaan berkomunikasi selain daripada keupayaan berbahasa. Dengan itu penutur bahasa itu bukan sahaja mengetahui pertuturannya itu tidak menyimpang dari nahu tetapi juga sesuai mengikut keadaan. Ini bermakna dia tahu bila hendak bercakap, dengan siapa, di mana dan dengan cara yang bagaimana (Muhammad `Abdul Qadir 1983 : 243). Jika pelajar membuat kesalahan apabila bertutur, jangan terus membetulkan kesilapannya. Adalah tidak wajar jika memberhentikan pelajar yang sedang bercakap untuk membetulkan kesilapannya kerana ini boleh melemahkan keberaniannya. Guru juga boleh meminta kawannya untuk membetulkan kesilapannya.

### 3.4.2 Syarat-syarat berkomunikasi

- Guru bahasa Arab hendaklah cukup lancar dalam bahasa yang hendak diajar supaya boleh ditiru oleh pelajar. Bagi mereka yang bukan penutur asli bahasa itu, (orang Melayu khususnya), maka dia perlu menguasai kemahiran untuk mengeluarkan dan membentuk bunyi penting, mengetahui perbendaharaan kata yang umum dengan cara yang lancar.
  
- Guru hendaklah memahami perhubungan yang rapat antara bahasa dan budaya. Pelajar tidak akan memahami bahasa sasaran jika sekiranya tidak memahami perbezaan makna kebudayaan, kerana makna yang dilafazkan dalam sesuatu bahasa selalunya ditentukan oleh kebudayaan. Seseorang itu tidak akan memahami sesuatu bahasa itu dengan sepenuhnya dengan sekurang-kurangnya memahami berberapa makna kebudayaan yang dilafazkan melaluinya.
  
- Guru perlu latihan khas untuk mengajar bahasa di samping latihan umum untuk menjadi guru. Guru hendaklah mengetahui teknik audio-visual dengan cekap dan berkesan.
  
- Guru hendaklah pandai menggunakan makmal bahasa dan mengetahui faedahnya.

Antara kelebihan teknik komunikasi ini adalah :

- a. Memberi penguasaan pertuturan yang baik

- b. Pengajaran tulisan mudah dipraktikkan
- c. Guru tidak terpaksa menterjemah
- d. Teknik yang baik untuk mengajar bahasa asing. Pelajar mampu bercakap, jadi apabila pelajar mendengar perkataan baru, mereka terus bercakap dalam kelas.
- e. Menjauhi dari nahu, nahu diajar secara tidak langsung, di mana diberi beberapa contoh yang mengandungi nahu dan sorof, kemudian pelajar cuba dengan bantuan guru mengeluarkan kaedah nahu. Mengajar nahu terus dengan fungsinya sekali.

Dengan mengenal pasti konsep sebelum dan strategi serta skop aktiviti pelajar di dalam kelas, guru dengan mudah menentukan sesuatu metod yang relevan dengan keperluan semasa.

### 3.5 Buku Teks

Antara tahun 1981 hingga 1989, Bahagian Pendidikan Islam, menyediakan buku (*al-Lughah al'Arabiyyah*) untuk tingkatan satu hingga lima dan setelah disemak semula ia dikenali sebagai (*al-Jadid fi al-Lughah al'Arabiyyah*) terbitan Pustaka Margalan, Kuala Lumpur. Pada tahun 1986, Bahagian Pendidikan Islam telah mula mengadakan kerjasama dengan ISESCO untuk menyusun buku teks baru yang lebih memenuhi keperluan bahasa komunikasi. Oleh itu mulai pertengahan 1989, buku al'Arabiyyah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka meliputi tingkatan satu hingga lima telah dapat digunakan secara rasmi. Mulai Januari 1994 buku al-Arabiyyah tingkatan empat telah digunakan. Sementara buku al'Arabiyyah 5 diedarkan di pasaran dalam bulan Mei 1999.

*al'Arabiyyah* untuk tingkatan satu hingga lima telah dimurnikan semula dan diterbitkan dengan menggunakan nama *al-Lughah al'Arabiyyah al-ittisoliyyah* dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Buku teks Bahasa Arab Komunikasi tambahan ini dalam bentuk yang lebih sesuai dengan perubahan pendidikan yang mutakhir ini. Buat pertama kali buku panduan guru iaitu *Mursyid al-Mu'allim* yang meliputi panduan menggunakan *al'Arabiyyah* tingkatan satu hingga lima telah dicetak dan diedarkan oleh Bahagian Pendidikan Islam. Ia juga merupakan hasil bimbingan pakar bahasa Arab dari ISESCO (BPI, KPM 1994).

### **3.6 Guru Bahasa Arab**

Dalam menghasilkan Sukatan Pelajaran baru dan huraian, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dan Bahagian Pendidikan Islam (BPI), menggunakan seluruh tenaga tempatan yang terdiri daripada kumpulan guru-guru yang telah dilatih oleh ISESCO dan BPI sendiri. Di samping itu kementerian juga mendapat khidmat kepakaran daripada UKM dan ITM. Dalam tahun 1991 sebuah Sukatan Pelajaran dapat disiapkan dan telah digunakan hingga sekarang. (BPI, KPM 1993)

Di dalam takrif perjawatan di Kementerian Pendidikan, guru agama atau guru Pendidikan Islam adalah bertanggungjawab mengajar bahasa Arab. Di peringkat latihan ikhtisas KPLI dan peringkat Maktab Perguruan Islam, terdapat kumpulan-kumpulan guru yang dilatih di bidang perkaedahan bahasa Arab. Sebelum program KPLI diperkemaskan majoriti guru yang mengajar bahasa Arab terdiri daripada lepasan Pusat Pengajian Tinggi di Asia Barat, walaupun sebahagian



daripada mereka tidak berpengkhususan dalam bahasa Arab. Situasi ini masih berterusan hingga kini.

### **3.6.1 Program melahirkan guru berkemahiran dalam bahasa Arab**

Dalam tahun 1980 terdapat kira-kira 13 % guru yang mengajar bahasa Arab di SMKA dan SBP memiliki ijazah pertama takhasus bahasa Arab. Gambaran ini agak kritikal, tetapi sesuai dengan pandangan kehadapan Kementerian Pendidikan, maka mulai tahun 1986, kementerian memperuntukkan biasiswa peringkat ijazah khusus dalam bidang bahasa Arab.

Kumpulan pertama mereka telah dihantar ke Maghribi dan pada masa ini mereka telah berkhidmat di SMKA. Adalah membanggakan Kementerian Pendidikan, kumpulan-kumpulan ini telah menunjukkan kecekapan dan sikap yang positif ke arah kesinambungan perkembangan bahasa Arab di negara kita. Bagi sesi 1993/1994 kementerian telah menghantar seramai 98 orang lagi ke luar negeri untuk membuat pengkhususan dalam bidang bahasa Arab. (BPI, KPM 1993)

### **3.6.2 Kursus dalam perkhidmatan**

Mulai tahun 1989 BPI telah memulakan program yang intensif dan bersungguh-sungguh untuk melatih guru mengikut pendekatan komunikasi. Sehingga tahun 1993, kira-kira 80% guru bahasa Arab telah dilatih. Usaha ini akan diteruskan secara teratur. Perlu ditegaskan bahawa siri kursus di atas lebih menumpukan kepada fasa pertama iaitu pendedahan dan pengenalan. Aspek Perkembangan dan pengayaan diserapkan melalui slot-slot tertentu. (BPI, KPM 1993)

### **3.6.3 Sekolah-sekolah yang mengajar bahasa Arab**

Pada awal tahun 1992, Sekolah-sekolah yang mengajar bahasa Arab adalah seperti berikut :

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA); menawarkan Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dan Bahasa Arab Tinggi (BAT).
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Harian, melalui Kelas Aliran Agama (KAA) menawarkan Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dan Bahasa Arab Tinggi (BAT).
3. Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SBP), menawarkan Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR).
4. Sekolah Menengah Kebangsaan, menawarkan secara terkawal Bahasa Arab Komunikasi sahaja.
5. Sekolah Menengah Kerajaan Negeri dan Sekolah Menengah Agama Rakyat, menawarkan BAK dan BAT.

Di SMKA bahasa Arab diajarkan mulai tingkatan satu hingga tingkatan enam. Kelas Aliran Agama (KAA) akan mengikut corak di SMKA. Di SBP bahasa Arab mula diajar dari tingkatan satu hingga empat, tetapi peperiksaan bahasa Arab PMR diambil semasa tingkatan empat. Walaubagaimanapun terdapat juga sekolah SBP yang mengambil bahasa Arab PMR semasa tingkatan tiga (BPI, KPM 1992).